

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N17 BUKIT TENGAH

Assalamualaikum w.b.t, Salam Malaysia Madani dan Salam Penang 2030.

Tuan Speaker dan Sidang Dewan,

Sedar atau tidak, anak muda khususnya belia pada hari ini merupakan pelapis masa hadapan negara. Namun, masih ada segelintir pihak yang masih lagi kurang cakna mengenai hala tuju atau membentuk mereka ini sebagai bakal pemimpin yang akan menerajui Malaysia khususnya di Pulau Pinang. Jadi, pada hari ini saya akan usulkan dan mencadangkan beberapa perkara kepada sidang dewan sekalian mengenai penglibatan belia Pulau Pinang sebagai pemacu negara.

Seringkali kita dengar, Penang 2030. Di sana, di sini dan merata tempat sekitar Pulau Pinang dipenuhi dengan logo Penang 2030. Tetapi, adakah kita di pihak kerajaan ini telah merangka inisiatif yang baik kearah mencapai Gagasan Penang 2030 dengan melibatkan semua generasi daripada pelbagai lapisan usia termasuk belia di Pulau Pinang? Jadi, cadangan saya di dalam dewan ini adalah untuk pihak kerajaan negeri Pulau Pinang merangka sebuah dasar khas yang dinamakan sebagai Dasar Belia Pulau Pinang.

Saya teruskan lagi hujahan dengan memperincikan idea dan kandungan Dasar Belia Pulau Pinang tersebut.

PEMBANGUNAN EKONOMI

Saya menyeru agar Kerajaan untuk mengatur peranan belia yang berusia lingkungan 15-30 tahun ini di dalam proses pembangunan ekonomi sebagai permulaan untuk mereka mengenali dan meneroka selok belok ekonomi di Pulau Pinang. Tetapi, saya ingin bertanya, dipecahan skop ekonomi yang manakah rasa sesuai untuk kita masukkan idea tersebut ?

Mohon pencerahan sebentar lagi.

HAL EHWAL AGAMA ISLAM DAN PERPADUAN

Yang kedua, saya ingin mencadangkan kepada EXCO yang berkenaan agar kuota khas penglibatan belia di Pusat-Pusat Islam atau Jawatankuasa Masjid disediakan sebanyak 30% sebagai permulaan untuk kita memastikan segala idea dan penambahbaikan yang dilakukan kearah pemerkasaan Agama Islam ini adalah idea yang tidak lagi lapuk ditelan zaman dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa. Bagi saya perkara ini perlu dijadikan elemen penting di dalam Dasar Belia Pulau Pinang kerana, daya fikir anak muda pada hari ini adalah sangat berbeza dengan pemikiran generasi yang dipanggil “Orang lama” walaupun mereka ini dikatakan lebih makan garam dari generasi baru.

Dari skop perpaduan pula, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada EXCO, apakah inisiatif yang sedang dilaksanakan atau bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah memupuk perpaduan kaum bagi memastikan seiring dengan gagasan Penang 2030?

KERAJAAN TEMPATAN & PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Saya teruskan lagi dengan mencadangkan kepada EXCO yang berkenaan untuk memainkan peranan penting dalam memastikan perancangan bandar dan desa di Pulau Pinang ini dibantu atau dilancarkan perjalanannya oleh belia-belia yang berpengalaman atau mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat menyediakan peluang pekerjaan yang bagus kepada anak muda ke arah kemajuan negeri tercinta.

Saya pasti, sidang dewan juga bersetuju, Percaya atau tidak, sekiranya peluang ini dibuka, saya yakin dan pasti ianya akan mendapat sambutan yang sangat baik daripada semua pihak khususnya belia kerana di negeri Pulau Pinang ini, masih ramai anak muda yang berpendidikan tinggi, berilmu pengetahuan dan mempunyai kemahiran dalam pelaksanaan tugas.

Tuan Yang Dipertua dan sidang dewan sekalian,

Cuma disini saya ingin bertanyakan kepada YB EXCO dan saya berharap agar jawapan yang diperolehi daripada YB EXCO nanti mampu merungkai segala persoalan yang bermain di ruang fikiran kami. Soalnya berbunyi begini, di Pulau Pinang kita ada dua pecahan dibawah PLANMALAYSIA PULAU PINANG dan salah satunya dipengerusikan oleh YB Exco sendiri iaitu Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri atau lebih dikenali sebagai JTPN.

Fungsi JTPN ini seperti yang kita tahu, adalah untuk membincangkan kertas kerja yang merangkumi kertas dasar, perlingkungan semula, cadangan garis panduan, permohonan di bawah Seksyen 20A dan kertas rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri terdahulu. Jadi, sejauh manakah JTPN ini mampu untuk membantu untuk menyokong misi Penang 2030 dan masih relevankah jawatankuasa ini ?

Sekian sahaja daripada saya, mohon YB-YB yang saya ajukan soalan sebentar tadi menjawab setiap bait soalan yang disoal dan menyambut baik idea dan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan demi manfaat belia di negeri kita.

Terima kasih.

Mohamad Nazri Bin Abdul Latiff

N17 Bukit Tengah

Sidang Muda 2024

SIDANG MUDA
PULAU PINANG